



**SURAT PEMBERITAHUAN  
PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7(a)**

**Iklan adalah dibukakan kepada orang ramai dan pegawai-pegawai dan kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam.**

**PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN (FILEM DAN PITA) (C.1-2 EB.3)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

---

**Syarat-Syarat Am:**

- (A) PEMOHON terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.



**1. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN (FILEM DAN PITA)  
JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI  
JABATAN PERDANA MENTERI  
C.1-2 EB.3 (\$1,280 - \$2,270 SEBULAN)  
KEKOSONGAN = SATU (01)**

**KELAYAKAN MINIMUM:**

1. a) BDTVEC / BTEC Diploma Kebangsaan Peringkat Biasa (ND) atau sebanding dalam Arkib / Database / *Information and Library Management* / *Information and Library Studies* / *Library Informatics and Computing* / *Multimedia* / Pengajian Media / Perpustakaan / Rekod atau bidang bersesuaian.

**ATAU**

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Radio Televisyen Brunei dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun atau sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang 5 tahun.

**ATAU**

- c) Telah berkhidmat dalam perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.3 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun dan sekurang-kurangnya dalam tangga gaji D.1 atau sebanding tidak kurang dari 6 tahun.

**SYARAT-SYARAT LAIN**

1. Boleh bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris;
2. Boleh membuat kertas kerja dengan menggunakan peralatan komputer atau mempunyai pengetahuan asas menggunakan perisian *Microsoft Office*;
3. Boleh bekerja dengan cepat dan teliti termasuk dalam suasana tegang;
4. Mempunyai minat dan bijak dalam hal ehwal penyimpanan yang teratur dan bersistematis;



5. Mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam pembahagian sesuatu penyimpanan mengikut *genre* atau kategori terutama dalam hal ehwal rancangan-rancangan televisyen;
6. Mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam membuat rekod (*cataloguing*) ke atas penyimpanan mengikut *genre* atau kategori terutama dalam hal ehwal rancangan-rancangan televisyen; dan
7. Syarat-syarat lain yang dikawal oleh peraturan-peraturan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

#### **TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:**

1. Mengetuai Unit Perpustakaan Filem dan Pita (di bawah kawalan Unit Arkib dan Perpustakaan Filem dan Pita);
2. Mentadbir dan mengawas pegawai / kakitangan di bawah jagaannya bagi memastikan segala urusan hal ehwal Unit Perpustakaan Filem dan Pita dapat dijalankan dengan baik, terurus dan teratur;
3. Bertanggungjawab terhadap penjagaan pita atau bahan rancangan tempatan dan luar negeri yang masih dalam simpanan Unit Perpustakaan Filem dan Pita;
4. Memastikan segala penyusunan serta penyimpanan pita atau bahan rancangan adalah dalam keadaan teratur dan selamat;
5. Memastikan proses keluar dan masuk pita atau bahan rancangan seperti penyediaan pita atau bahan rancangan dan perkhidmatan untuk keperluan siaran televisyen adalah mengikut *Standard Operating Procedure (SOP)* yang telah ditetapkan;
6. Memastikan pita atau bahan rancangan luar negeri dikembalikan atau dimusnahkan (tertakluk kepada ketetapan Ketua Unit Arkib dan Perpustakaan Filem dan Pita) setelah tempoh lesen penyiaran mansuh;
7. Memastikan kelancaran dalam pengurusan untuk mengembalikan pita atau bahan rancangan dari luar negeri;
8. Memastikan segala maklumat (data) dan rekod rancangan tempatan dan luar negeri sentiasa dikemaskinikan;



9. Berhubung dengan pihak Unit *Video Transfer (VT)* untuk bekerjasama dalam kerja-kerja penyalinan pita atau bahan rancangan tempatan dari *format analog* ke *format digital*;
10. Melaporkan sebarang masalah yang berkaitan dengan pita atau bahan rancangan jika ada kepada Ketua Unit Arkib dan Perpustakaan Filem dan Pita;
11. Berurusan dengan pihak-pihak yang berkenaan seperti Seksyen Penerbitan Rancangan Televisyen, Unit Pembelian, Unit Penjadualan, Unit Sari Kata, Unit *POC / VTR* dan Jawatankuasa Penapisan dan Penilaian Rancangan Televisyen;
12. Hendaklah bersedia bertugas pada bila-bila masa termasuk di luar waktu bekerja biasa dan di mana-mana sahaja dikehendaki sebagaimana yang diarahkan; dan
13. Menjalankan dan melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.



### **Senarai semak sebelum memohon jawatan kosong dalam Bahagian III**

Untuk mengelakkan permohonan awda ditolak, sila pastikan maklumat-maklumat berikut hendaklah **lengkap dan di muat naik** ke dalam Profil awda sebelum menekan butang ‘**Apply**’:



Kad pengenalan dan Lesen Memandu (jika berkenaan).

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Kad Pengenalan.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">Lesen Memandu.pdf</a>



**SIJIL** Higher National Diploma/Advanced Diploma/ Degree (Diploma Tertinggi Kebangsaan/Diploma Lanjutan/ Ijazah Sarjana Muda) serta **KELULUSAN TRANSKRIP** dan **PENGESAHAN PENGIKTIRAFAN** kelulusan (MKPK) bagi kelulusan Institusi Pengajian Swasta dan Institusi dari luar negeri.

	From (Years)	To (Years)	Date of Certificate	Upload File
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">PHD.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">MASTER.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">DEGREE.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HND.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">HNC.pdf</a>
	2016	2016	25/8/2016	<a href="#">ND.pdf</a>



Bagi pemohon yang memenuhi syarat pengalaman sahaja, memastikan mempunyai pengalaman sebagaimana kehendak skim.



Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan pastikan di dalam profil awda terdapat ruangan “Current Government Employee”/“Warga Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam”. Jika sekiranya tidak ada, pemohon hendaklah memaklumkan kepada POC (Kementerian/Jabatan) dan seterusnya POC (Kementerian /Jabatan) akan memaklumkan kepada POC (SPA).



## My Profile

### Working Experience

#### Public and Ex-Government Employee



#### Current Government Employee



	Start Date	To Date	Name And Address of Employer	
	01/02/2015		PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2015	31/01/2016	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	
	01/02/2014	31/01/2015	PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM, Prime Minister's Office	